



St Leonard's College
An education for life.

Junior School

McMillan House merupakan Junior School kami, menampung kanak-kanak dari ELC hingga Tahun 4 dalam suasana mesra dan penyayang.

Dengan kemudahan pembelajaran yang moden, Junior School kami memupuk kecerdasan, inovasi dan perspektif antarabangsa; melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab dan penyayang, yang mengutamakan kebajikan orang lain serta bersedia menyambut cabaran abad ini sebagai peluang untuk membawa perubahan. Pegangan kami ialah setiap kanak-kanak harus menyertai pembelajaran sendiri dengan berkebolehan, cekap dan aktif.

Melalui perhimpunan sekolah, sukan di lapangan, kelas bimbingan silang umur dan aktiviti khas seluruh Kolej, kanak-kanak dan kakitangan McMillan House kenal mengenali dan mencipta suasana pembelajaran yang bahagia.

Kakitangan McMillan House memiliki berbagai-bagai kepakaran, termasuk guru pustakawan, guru muzik, seni dan pendidikan jasmani, kaunselor sekolah, guru peningkatan pembelajaran, dan guru bahasa pakar (Bahasa Cina).

Program kami di McMillan House sejajar dengan Program Sekolah Rendah International Baccalaureate (IB PYP). Kerangka kurikulum PYP, yang direka khusus untuk kanak-kanak 3 hingga 12 tahun, mempersiapkan mereka untuk pelbagai cabaran intelek dan emosi dalam pendidikan dan pekerjaan di pentas dunia. Isu-isu sedunia disisipkan dalam kurikulum. Pelajar diminta meninjau enam tema silang disiplin lalu menimbangkan hubung kait antara satu sama lain. Unit-unit kajian ini memupuk pertumbuhan akademik, sosial dan emosi, berfokus pada pemikiran antarabangsa serta perkembangan nilai-nilai peribadi yang teguh. Paling utama, PYP menghargai sifat berdikari, inisiatif dan motivasi diri, menggalakkan setiap pelajar supaya bertanggungjawab atas pembelajarannya.